



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

750 GRADUAN TVET PERTANIAN BAKAL PERKUKUH AGENDA KETERJAMINAN NEGARA

BANGI, 18 JUN 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) hari ini meraikan kejayaan 750 orang graduan TVET Pertanian dalam Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-14 Tahun 2026 yang disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Chan Foong Hin di Bangi, Selangor. Majlis ini menjadi simbol komitmen berterusan negara dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi bagi mendepani cabaran rangkaian bekalan makanan global.

Majlis konvokesyen ini adalah untuk meraikan para pelatih tahun 2025 yang telah menamatkan pengajian di Institut Latihan TVET Pertanian (ILTP) bawah KPKM. Graduan hari ini terdiri daripada 49 orang graduan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), 312 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), 350 orang graduan Sijil Pertanian, 28 orang graduan Sijil Veterinar Malaysia (SVM) dan 11 orang graduan Sijil Perikanan. Majlis pada hari ini turut menyaksikan penganugerahan kepada tujuh (7) Penerima Anugerah Khas bagi tahun 2026 atas pencapaian cemerlang yang telah ditunjukkan sepanjang tempoh pengajian.

Para graduan ini telah mengikuti 10 bidang persijilan kemahiran iaitu Tanaman, Ternakan Ruminan, Ternakan Poltri, Teknologi Perikanan Tangkapan, Akuakultur Marin, Akuakultur Air Tawar, Pengeluaran Padi, Pemasaran, Pemprosesan Makanan dan Penyenggaraan Jentera Pertanian dan tiga persijilan daripada Jabatan di bawah KPKM iaitu Sijil Pertanian, Sijil Veterinar Malaysia dan Sijil Perikanan. Program-program pengajian ini ditawarkan di 16 Institut Latihan TVET Pertanian seluruh negara.

Sektor agromakanan kini dikategorikan sebagai agenda strategik negara berikutan impak krisis global seperti perubahan iklim, ketidaktentuan geopolitik, dan krisis tenaga global yang menjejaskan kos logistik serta keselamatan bekalan makanan. Bagi mendepani impak tersebut, Kerajaan menerusi KPKM terus komited memperkukuh sektor ini berteraskan Dasar Agromakanan Negara 2021–2030 (DAN 2.0), Dasar

Keterjaminan Makanan Negara 2030 (DKMN 2030), Jualan Agro MADANI, serta inisiatif Geran Agropreneur NextGen.

Sehingga kini, KPKM telah berjaya melahirkan seramai 25,601 tenaga mahir dalam bidang pertanian. Kualiti sistem latihan TVET pertanian turut dibuktikan melalui peningkatan kadar kebolehpasaran graduan institut latihan TVET pertanian KPKM kepada 81.23% pada tahun 2024, berbanding 78.1% pada tahun sebelumnya.

Dalam perkembangan sama, KPKM bakal menganjurkan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026 pada 28 Ogos hingga 6 September tahun ini sebagai platform utama dalam memperkenalkan inovasi, teknologi terkini, dan anjakan paradigma sektor agromakanan negara kepada masyarakat umum.

Chan Foong Hin berkata dalam mendepani Revolusi Industri 4.0, integrasi teknologi moden seperti Kecerdasan Buatan (AI), *Internet of Things* (IoT), mekanisasi, dan automasi kini menjadi pemacu utama transformasi sektor pertanian. Sehubungan itu, pemerkasaan TVET Pertanian adalah kritikal bagi melahirkan graduan yang kompetitif, bersifat global, serta memiliki kepelbagaian kemahiran (*multi-skilling*) bagi memenuhi keperluan pasaran industri masa hadapan

KPKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada seluruh graduan, keluarga, tenaga pengajar, serta pihak pengurusan di bawah kementerian yang bertindak sebagai pemangkin utama kepada kelestarian industri pertanian dan keterjaminan makanan negara.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



**SENARAI PENERIMA ANUGERAH KHAS SEMPENA
MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KALI KE-14 TAHUN 2026**

BIL.	NAMA GRADUAN	ANUGERAH
1.	Muhammad Azfar bin Othman	Anugerah Khas Pingat Emas Menteri
2.	Muhammad Anas Haakim bin Azman Shapawi	Anugerah Khas Ketua Setiausaha
3.	Izzani binti Tadza	Anugerah Khas Usahawan Agrobank
4.	Izzani binti Tadza	Anugerah Khas Ketua Pengarah Pertanian
5.	Muhammad Azfar bin Othman	Anugerah Khas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
6.	Teh Irdina Huda binti Azmi	Anugerah Khas Ketua Pengarah Perikanan
7.	Muhammad Arif Azhari bin Mohd Iqbal	Anugerah Khas Pengarah Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian